

SOALAN NO. 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' KAMARUL
BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**

TARIKH : 8 MAC 2016

SOALAN :

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menggubal undang-undang serta peruntukan khusus yang membolehkan pendakwaan di mahkamah dilakukan terhadap seseorang penjawat awam yang mempunyai gaya hidup melebihi pendapatan bagi mengukuhkan agenda integriti dalam negara memandangkan pada masa ini tidak terdapat undang-undang yang berkaitan perkara tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan di bawah **Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)**, seseorang pegawai hendaklah, apabila dilantik ke perkhidmatan awam atau bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan, **mengisyiharkan secara bertulis kepada Ketua Jabatannya, segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana pihak atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya.**

Di bawah **Peraturan 11**, Jika Ketua Jabatan mendapati seseorang pegawai yang **menyenggara suatu taraf kehidupan yang melebihi emolumen atau pendapatan persendirianya yang lain yang sah**, atau mengawal atau memiliki sumber-sumber kewangan atau harta, sama ada harta alih atau harta tak alih, yang nilainya tidak seimbang dengan, atau tidak boleh semunasabahnya dijangka telah diperoleh oleh pegawai itu dengan emolumennya dan apa-apa pendapatan persendirianya yang lain yang sah, Ketua Jabatan hendaklah melalui notis bertulis, menghendaki pegawai itu supaya memberikan penjelasan bertulis dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh penerimaan notis itu bagaimana dia dapat menyenggara taraf kehidupan sedemikian atau bagaimana dia telah mendapat sumber-sumber kewangannya atau harta itu.

Sekiranya pegawai gagal memberi penjelasan secara bertulis selepas tamat tempoh notis yang ditetapkan atau penjelasan yang diberikan tidak menyakinkan Ketua Jabatan, maka Ketua Jabatan boleh menubuhkan jawatankuasa siasatan untuk memperoleh maklumat tentang sumber-sumber pendapatan pegawai. Sekiranya siasatan mendapati wujudnya asas pegawai menyenggara hidup melebihi pendapatan dan sumber pendapatan tambahannya adalah meragukan, Ketua Jabatan boleh merujuk kepada SPRM untuk siasatan lanjut (termasuk mendakwa pegawai di mahkamah) atau mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai.

Oleh itu, berdasarkan mekanisme sedia ada dalam menangani pegawai yang mempunyai gaya hidup melebihi pendapatan, Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang baru

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 8 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 55

TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci hasil siasatan nahas udara yang melibatkan Ahli Parlimen Rompin dan Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri pada 4 April 2015

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan nahas udara yang melibatkan Ahli Parlimen Rompin dan Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri pada 4 April 2015 sedang dalam peringkat akhir untuk dimuktamadkan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara, Kementerian Pengangkutan di mana laporan akhir yang terperinci akan dikeluarkan pada 4 April 2016 selaras dengan kehendak *International Civil Aviation Organization (ICAO) Annex 13*.